



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 40 / 2021

NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.47 KEMPAS, JOHOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum berhubung dengan status kekosongan luar jangka kerusi DUN N.47 Kempas, Johor, ekoran penyandangannya **YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapien** yang telah meninggal dunia pada **21 Disember 2021 (Selasa)**.
2. Sehubungan itu, di bawah **Perkara 23(5) Bahagian Kedua, Undang-Undang Negeri Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895** kekosongan sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam masa 60 hari dari tarikh yang dipastikan oleh SPR kekosongan berlaku. Seandainya kekosongan luar jangka dipastikan pada suatu tarikh dalam masa (2) dua tahun dari tarikh dewan negeri akan terbubar, maka tiada keperluan

mengisi kekosongan itu melainkan jika Speaker memberitahu SPR secara bertulis.

3. Sehubungan itu, SPR sedang menunggu pengesahan daripada YB Speaker Dewan Undangan Negeri Johor akan keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka tersebut, sekaligus menentukan sama ada Pilihan Raya Kecil (PRK) akan dijalankan bagi kerusi DUN N.47 Kempas, Johor.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

22 Disember 2021 / 17 Jamadilawal 1443H